

15/11/2003

Pak Lah ada kekuatan hadapi politik Pas

IPOH: Tun Dr Mahathir Mohamad memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bukan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1999 kerana beliau adalah pemimpin terbaik untuk mengetuai Umno bagi menentang Pas.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata Perdana Menteri kelima itu mempunyai kekuatan politik dan personaliti untuk bertindak balas terhadap jenis politik Pas yang melampau.

"Jika beliau tidak boleh, maka tiada siapa boleh. Jika beliau gagal, maka Tuhan membantu Malaysia," katanya ketika menyampaikan ceramah mengenai Malaysia Selepas Pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Bankuet Kompleks Perak Darul Ridzuan, di sini malam tadi.

Ceramah dalam bahasa Inggeris bertajuk Malaysia: Post Dr Mahathir itu diadakan pada majlis makan malam yang dianjurkan Akademi Perak.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah yang juga penaung Akademi Perak hadir pada majlis itu. Turut sama Pengerusi Lembaga Gabenor Akademi Perak, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Konchong.

Kira-kira 350 golongan elit dari Ipoh hadir pada majlis itu.

Abdullah juga berkata, pilihan raya umum 1999 jelas menunjukkan bahawa Umno mendatangkan bahaya lebih besar pada parti itu berbanding ancaman Pas.

"Pahang boleh kalah jika Najib tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM). Kelewatan menamakan TPM boleh membawa kepada spekulasi tidak sihat oleh orang yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Beliau juga berkata, mereka yang mengetahui akan memahami bahawa Abdullah adalah seorang yang begitu cermat.

Justeru, katanya, Abdullah memerlukan masa untuk membuat pilihannya sendiri selepas tempoh sewajarnya yang dianggap sebagai perundingan dan sudah tentu pilihan itu adalah hak mutlaknya.

"Saya tidak ingin membuat keputusan bagi pihak Abdullah, tetapi Najib akan membantunya di puncak Umno dan kerajaan. Najib lebih moden, berfikiran luas, selesa pada arena antarabangsa dan berpengalaman. Kombinasi kedua-dua mereka tiada tolok bandingnya," katanya.

Beliau juga yakin keupayaan Perdana Menteri dan sebagai orang nombor dua sebelum ini, Abdullah sudah menunjukkan kecemerlangannya.

Berikutan itu, jika mengekalkan perpaduan dalam parti, Abdullah mampu menghancurkan impian Pas untuk menang di Kedah, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Katanya, Pas tidak akan dapat menguasai Kerajaan Persekutuan, tetapi sebarang kesilapan mengendalikan dasar yang menjejaskan orang Melayu dan Islam akan meningkatkan sokongan kepada parti itu.

"Begitu pun, Pas tidak harus dipandang rendah dan cabaran paling besar Abdullah ialah untuk menghalang dan membuang versi Arab Saudi atau Iran di Asean," katanya.

Abdullah juga berkata, beliau tidak bersetuju dengan tanggapan sesetengah pihak bahawa imej Perdana Menteri sebagai 'Mr Nice Guy' akan memberi kelebihan kepadanya.

Namun, katanya, imej kemuafakatan adalah penting untuk Abdullah bagi tugas jangka pendek dan jangka panjang, iaitu bagi menarik semula orang Melayu ke dalam Umno.

Beliau berkata, ini penting bagi keharmonian kaum, mengekalkan keadilan ekonomi, pertumbuhan dan kesejahteraan serta menaikkan pendidikan sebagai penggerak kesejahteraan dan kemajuan negara.

Abdullah berkata, negara masih dalam keadaan sementara sebelum boleh benar-benar beralih kepada era selepas Dr Mahathir.

"Buat masa ini, kita tidak seharusnya terlalu mengharapkan terlalu cepat. Dalam sebarang keadaan, tiada siapa boleh mengatakan Pak Lah tidak sukakan tugasnya," katanya.

Mengenai Dr Mahathir, Abdullah berkata, keupayaan bekas Perdana Menteri itu sukar untuk diikuti dan rekod politik serta pentadbirannya tidak akan dapat dipecahkan bagi tempoh yang lama.

Bagaimanapun, beliau berpendapat Perdana Menteri sekarang tidak akan 'terburu-buru' untuk melakukan sesuatu bagi mengelakkan dibandingkan dengan mentornya itu.

"Pendapat jujur saya ialah beliau akan berjaya, jika tidak pun selepas beliau memenangi mandat dalam pilihan raya umum akan datang yang saya jangka diadakan pada penggal pertama atau kedua tahun depan," katanya.